# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 6 — RABU 8HB. FEBRUARI, 1978. — رابو 29 صفر 1398 — PERCHUMA


## SA-ORANG LAGI DI-KORNIAKAN GELARAN PEHIN MANTERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan gelaran Pehin Manteri kapada sa-orang lagi pegawai Askar Melayu Diraja Brunei.

Dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Lapau di-sini pada hari Sabtu lalu, Baginda telah mengorniakan gelaran **Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja** kapada Major Haji Abd Aziz bin Abdullah.

Chiri gelaran dalam Istiadat Mengorniakan Gelaran itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Siraj sementara do'a selamat telah di-bachakan oleh Awg Haji Abdul Hamid.

Istiadat mengorniakan gelaran itu telah di-hadhiri antara lain oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha, YAM Pengiran2 Cheteria, YDM Pehin2, Pengiran2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Pada hari Selasa 31hb Januari yang lalu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah mengorniakan gelaran Pehin Manteri kapada Major Hussain bin Haji Sulaiman dengan gelaran YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya.



**YDM Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Major Haji Abdul Aziz junjong ziarah kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-jurus selesai Istiadat Mengorniakan gelaran pada hari Sabtu lalu.**



**YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Major Awang Kifli menapakkan gangsa ka-bahu YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya dalam Istiadat Mengorniakan gelaran pada hari Selasa minggu lalu.**

## Jabatan Pertanian di-ingatkan supaya menyusun ranchangan pengeluaran padi

SINAUT. — Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah mengingatkan kapada Jabatan Pertanian supaya akan menyusun ranchangan perkembangan pengeluaran tanaman padi bagi di-nekmati oleh sa-bilangan besar raayat dan pendudok termasok mereka yang tidak terdaya mengusahakan tanaman tersebut di-negeri ini.

Kata-nya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia saperti yang telah di-titahkan oleh Baginda telah menyediakan peruntokan sa-jumlah lebeh $25 juta bagi memajukan bidang pertanian dalam usaha mempelbagaikan chorak ekonomi negeri ini dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru.

"Dalam ranchangan itu, perkembangan pertanian ada-lah di-berikan keutamaan untok perlaksanaan, dan peruntokan2 yang di-fikirkan menchukopi telah di-sediakan dengan penoh harapan supaya Brunei akan dapat mengeluarkan bahan2 makanan, terutama sekali beras dan sa-bahagian besar daripada keperluan2 makanan harian," jelas-nya.

Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM berkata demikian sa-belum merasmikan Pusat Latehan Pertanian di-sini hari Khamis lalu.

Dalam uchapan-nya itu, Yang Teramat Berhormat sa-terus-nya bertanya, sajauh mana-kah sudah matalamat itu di-chapai? Dan jika belum di-chapai, ada-kah kita mengetahui akan sebab2-nya? Apa-kah langkah2 yang kita harus ambil pada mengatasi masaalah2 yang telah dan sedang di-hadapi?

Saperti yang di-matalamatkan dalam ranchangan tersebut pada menambahkan hasil pengeluaran padi tempatan supaya negeri ini tidak semata2 bergantong dan berharap kapada pembelian beras luar negeri, Yang Teramat Berhormat itu menjelaskan, ranchangan kemajuan itu ada-lah di-ramalkan bahawa dalam tempoh yang di-ranchangkan pengeluaran padi tempatan akan dapat di-tambah sekurang2-nya memenohi sa-paroh daripada keperluan negeri ini. Beliau bertanya, ada-kah matalamat ini sudah di-chapai?

Menjelaskan bagi memudahkan kemajuan ranchangan itu Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja berkata, "Kerajaan telah mempersetujui ranchangan2 bantuan baja dan lain2 kapada petani2 supaya hasrat dan harapan Kerajaan itu akan dapat di-chapai".

"Dalam tempoh dua tahun ini, ia-itu tahun 1977 dan 1978, Kerajaan telah menyediakan peruntokan lebeh daripada setengah juta ringgit bagi Ranchangan Bantuan Baja dan Pen-

Lihat muka 12



**Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada hari Khamis lalu.**

## Baharui Kad Pengenalan dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemegang2 Kad Pengenalan jenis lama yang belum lagi menggantikan dengan yang baru ada-lah di-nasihatkan supaya membaharui-nya dengan sa-beberapa segera.

Pesurohjaya Pendaftaran Kebangsaan, Awang Julaihi bin Haji Abdul Kadir dalam satu kenyataan-nya menyatakan bahawa sa-siapa yang enggan berbuat demikian akan di-ambil tindakan Undang2.

Kata-nya penggantian Kad2 Pengenalan dari jenis lama ka-jenis baru ia-itu Biru ka-Kuning dan dari Merah ka-Unggu sa-harus-nya telah selesai di-jalankan dalam tahun 1976.

Akan tetapi, tambah beliau, sa-hingga masa ini maseh lagi terdapat sa-bilangan kechil pemegang2 Kad2 Pengenalan Biru dan Merah yang maseh belum menggantikan kad pengenalan mereka dengan kad pengenalan jenis baru.

"Kapada pemegang Kad Pengenalan Hijau yang berkhidmat dengan Kerajaan, isteri dan anak2 mereka yang belum lagi menggantikan Kad Pengenalan mereka dari jenis lama ka-Kad Pengenalan jenis baru ada-lah juga di-kehendaki menggantikan-nya dengan sa-beberapa segera," tambah beliau.

Kata-nya pendaftaran boleh di-buat di-Pusat2 Pendaftaran sama ada di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong atau Temburong.

# DARI DEWAN MAJLIS

## KESEJAHTERAAN BAGI BANDUAN2 DI-AMBIL BERAT OLEH K'JAAN



Y. B. Awang Haji Zakaria.

YANG Berhormat Dr Awg Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin ketika menyokong Rang Undang2 Penjara, 1977, lebeh banyak menyentoh mengenai dengan kesejahteraan orang2 banduan.

Kata-nya, Pegawai2 Perubatan, pada masa ini, melakukan lawatan ka-penjara2 sa-banyak dua kali dalam sa-minggu.

Hal ehwal kebajikan orang2 banduan itu sentiasa di-jaga dengan ada-nya Lembaga Jaksa2 Pelawat, jelas-nya.

Tambah Yang Berhormat itu, sunggoh pun orang2 salah itu telah membuat kesalahan, namun berbagai2 perkara berhubong dengan kesejahteraan mereka juga di-ambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu dari itu, Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, yang telah membentangkan Rang Undang2 Penjara, 1977 di-dalam Dewan Majlis menyatakan undang2 tersebut memberikan kapada Penguasa Penjara kawalan dan penyeliaan 'am ka-atas pegawai2 penjara dan tempat2 penjara.

Berhubong dengan penjara, pemindahan, rawatan, pekerjaan dan tata-tertib banduan2, Yang Berhormat itu menjelaskan, tata-tertib pegawai2 penjara dan hukuman sebarang pelanggaran terhadap-nya ada dipersharatkan dalam bahagian VI. Menerusi bahagian ini dalam fasal 56, undang2 itu juga memperuntokkan mana2 pegawai2 penjara yang menyalahi undang2 ini dengan melanggar sharat2 perkhidmatan-nya, tidak hadhir bekerja ada-lah satu kesalahan.

Sa-seorang Jaksa Pelawat boleh pada bila2 masa melawat penjara2 bagi menguji mutu, banyak makanan, mendengar aduan banduan, perjalanan kerja penjara dan layanan nama2 banduan telah di-nyatakan dalam fasal 60, cheraian (2) dari undang2 tersebut.

### PEGAWAI PERUBATAN TUTONG

Menjelaskan satu sungutan bagi menempatkan Pegawai Perubatan di-Daerah Tutong, Yang Berhormat Dr Haji Johar menyatakan perkara tersebut telah di-terangkan-nya dalam musim permashuaratan tahun lalu bahawa oleh kerana perumahan belum ada, belum-lah dapat dilaksanakan saperti yang dimaksudkan itu. Akan tetapi, tambah-nya, perkhidmatan dari sa-orang Pegawai Perubatan telah pun di-berikan, ia-itu dengan berulang alek dari Kuala Belait ka-Tutong.



Y.B. Dr. Haji Johar

Mengenai pengambilan Pegawai Perubatan, Yang Berhormat itu menjelaskan, kalau di-kuasakan, menjelang tahun 1978 ini beberapa orang pegawai akan di-ambil berkhidmat dengan Jabatan Kesihatan dan Perubatan, setelah menerima beberapa permohonan, termasok yang sudah menerima jawatan tertentu dan akan mula berkhidmat awal tahun ini.

Di-samping itu, Yang Berhormat itu memberitahu Dewan Majlis bahawa sa-ramai 80 orang jururawat perempuan telah melaporkan diri untok memasoki perkhidmatan.

Soal pembelian alat2 perkakas bagi kegunaan rumah sakit yang baharu, bukan-lah suatu perkara yang mudah dan ia-nya memerlukan bagi mengadakan pehak perunding membuat rumusan dan pertimbangan untok di-luluskan, jelas-nya.

Menerangkan mengenai perkembangan rawatan yang di-chapai oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei, Yang Berhormat itu penoh yakin yang ia-nya telah menchapai kemajuan.

Kata-nya, saperti yang sedia kita maalomi bahawa baharu2 ini satu pembedahan selaput mata bagi tiga orang adek beradek, telah pun berjaya di-lakukan. Dan satu lagi kejadian luar biasa telah di-lakukan di-London, di-mana satu pembedahan menukar buah pinggang telah di-buat.

Ketika menerangkan jumlah pesakit yang di-hantar keluar negeri, Yang Berhormat itu berkata, sa-ramai 67 orang telah di-beri rawatan di-luar negeri, dan kerajaan dalam usaha membantu pesakit2 tersebut, telah membelanjakan wang yang begitu banyak, dengan tiada mengirakan-nya.

Soal ubat pula, jelas Yang Berhormat itu, tahun ini, lebeh dari 80 jenis ubat yang baru, telah di-datangkan bagi keperluan raayat negeri ini. Dan akhir-nya Yang Berhormat itu berharap agar pesakit2 yang menerima rawatan itu, tidak akan mengatorkan jenis2 ubat mana yang baik bagi mereka.

## Kerajaan mengambil berat keperluan dan kepentingan raayat negeri ini

YANG Berhormat Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman ketika menyokong usol Rang Undang2 Perlindongan Binatang2 Liar, 1977, telah memberikan beberapa jawapan terhadap kewahaman yang telah di-timbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bukan kerana jawatan.

Kata-nya, Undang2 tersebut ada-lah untok memberi perlindongan kapada binatang2 liar yang semakin berkurangan, di-samping itu membolehkan jenerasi2 yang akan datang mengetahui binatang2 tersebut samada melalui penyelidekan saintifik atau sa-bagai-nya.

Satu lagi aspek perlindongan binatang2 liar yang perlu di-tinjau ia-lah mengenai dengan kepentingan jenerasi2 kita yang akan datang, bukan sahaja dari segi pengkajian tetapi dari segi suasana alam (environmental), tambah-nya lagi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jelas-nya, akan sentiasa mempertimbangkan bagi yang diperlukan untok mengadakan kawasan2 yang dimaksudkan.

Beliau juga telah menjelaskan kewahaman bagi mengadakan kawasan tertentu untok penempatan binatang2 yang telah berkurangan bilangan-nya itu.

Kewahaman terhadap kehidupan pendudok2 pendalaman, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa Kerajaan sememang-nya mengambil berat terhadap kepentingan dan keperluan raayat. Itu-lah sebab-nya tujuan utama rang undang2 tersebut di-bentangkan.

"Undang2 Perlindongan Binatang2 Liar, 1977 itu tidak akan menyusahkan mata pencharian dan kehidupan raayat terutama sekali pendudok2 pendalaman", jelas-nya.

Yang Berhormat itu juga telah menjelaskan mengenai kedudokan pegawai2 yang akan menjalankan undang2 tersebut, dan langkah2 tertentu pada mendapatkan atau menunjok ajar pegawai2 tempatan yang akan menjalankan undang2 itu dengan sepenoh-nya.

### UNDANG2 BUROH (PINDAAN)

Menyokong usol Rang Undang2 Buroh (Pindaan) 1977, Yang Berhormat Awg Haji Zakaria menerangkan bahawa dengan ada-nya pindaan undang2 itu, pekerja2 bumiputera di-berikan hak yang sama ia-itu kemudahan2 yang di-berikan kapada pekerja2 asing di-negeri ini ada-lah juga di-berikan kapada pekerja2 tempatan.

Pindaan undang2 itu, tambah-nya, ada-lah merupakan pindaan teknikal.

### UNDANG2 PENJARA

Ketika menyokong Rang Undang2 Penjara 1977, Yang Berhormat itu mengatakan undang2 tersebut ada-lah di-fikirkan perlu, setelah perubahan2 dan pengalaman2 yang di-dapati sejak tahun 1920, terhadap chara2 mentadbirkan penjara juga chara2 banduan menjalani hukuman.

Undang2 Penjara itu perlu-lah di-perbaiki dan di-ubah-suaikan dengan keadaan pendudok di-negeri ini yang telah bertambah banyak. Pindaan dan perubahan itu juga di-fikirkan perlu memandangkan puncha banyak-nya jenayah dan orang2 yang membuat kesalahan, jelas-nya lagi.

Menurut Yang Berhormat Awang Haji Zakaria, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang berhajat untok melantek pegawai2 yang waras bagi menjalankan tugas2 mereka saperti yang di-hasratkan dalam undang2 itu. Dan Pegawai2 Penjara tidak akan bertindak mengikut kemahuan mereka sendiri dan tidak akan menggunakan kuasa dengan sewenang2.

Tiap2 penjara ada mempunyai ketua yang mengawasi pegawai2 yang berada di-dalam jagaan-nya. Yang Berhormat itu berharap supaya pegawai2 yang dimaksudkan itu akan dapat memainkan peranan penting dalam membentok orang2 salah agar mereka itu insaf dan sedar di-atas kelakuan2 yang telah mereka lakukan dan kembali ka-pangkuan masharakat-nya.

## Undang2 pampasan kerja memuaskan

YANG Berhormat Pengiran Haji Sepiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman ketika menyokong usol Rang Undang2 Pampasan Pekerja menyatakan pindaan undang2 itu ada-lah chukop memuaskan hati dan bersesuaian dengan keadaan kemajuan hari ini.

Yang Berhormat itu melahirkan harapan-nya supaya undang2 tersebut akan di-perbaiki dan di-kaji dari masa ka-semasa.

Rang Undang2 Pampasan (Pindaan) 1977 itu sepatut-nya sudah lama diadakan supaya ia-nya akan di-jadikan kadar2 yang realistik dan sa-imbang dengan nilai wang di-zaman inflasi ini, jelas-nya.

Mengenai Undang2 Perlindongan Binatang2 Liar 1977, Yang Berhormat itu melahirkan perasaan gembira-nya, kerana undang2 tersebut ada-lah satu kejayaan usaha Kerajaan pada memberikan perlindongan hak asasi kapada binatang2



Y. B. Pg. Haji Sepiuddin.

## Tamu di-Bandar Seri Begawan

Menjelaskan kemuskilan dari Ahli Yang Berhormat yang di-lantek bukan kerana jawatan, sa-orang Ahli Rasmi kerana jawatan menyatakan bahawa jual-beli yang di-adakan di-Tamu Bandar Seri Begawan itu ada-lah untok sementara dan usaha2 untok menchari tapak baru bagi tamu tersebut maseh belum di-perolehi. Bagaimana pun, jelas-nya lagi pembenaan sa-buah kompleks perniagaan bagi peniaga2 yang terdiri dari orang2 Melayu, sa-jauh ini maseh dalam pertimbangan Kerajaan.

### JEMBATAN DI-PELABOHAN

Sa-orang lagi Ahli Yang Berhormat bukan kerana jawatan mengajukan pertanyaan samada Kerajaan akan berchadang untok menambah lagi panjang kawasan jembatan di-pelabohan Muara yang ada pada masa ini, yang mana menurut Yang Berhormat itu tidak menchukopi kerana kapal2 dagang ada yang terpaksa berlaboh dahulu sa-belum dapat melakukan pemunggahan terhadap barang2 yang di-bawa-nya.

Menjawab pertanyaan ini, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menyatakan bahawa Kerajaan tidak-lah perlu sangat terburu2 untok bertindak sa-demikian kerana keadaan kesibokan tersebut bukan-lah perkara yang kekal. Tetapi walau bagaimana pun, jelas-nya, Kerajaan tetap mengawasi serta menyelideki keadaan tersebut dan sa-hingga benar2 ia-nya di-perlukan.



# GOV'T GIVE TOP PRIORITY TO AGRICULTURE

SINAUT. — The General Adviser to His Highness the Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa officially opened the Sinaut Agricultral Centre by unveiling a commemorative plaque at a ceremony here last Thursday.

Later he planted a tree in the grounds of the Training Centre.

In his brief opening speech, Pehin Dato Isa said among other things that under the present National Development Plan the government had given top priority to agriculture with the aim of making Brunei self-sufficient, particularly in rice production.

He said twenty-five million dollars had been allocated, eight million dollars this year alone. for agricultural development.

Pehin Dato Isa also pointed out that the plans for agricultural development must be realistic and practical.

He said it was useless to teach farmers to grow vegetables in air-conditioned glasshouses if they cannot afford such facilities.

Agricultural plans, he added, should be suited to climatic and other conditions in the country.

Other speakers at the opening were the Managing Director of Brunei Shell, Dato J. Cordingley, the Director of Agriculture, Mr. R. B. Woodroofe, and the officer in charge of the Sinaut Centre, Mr. J. St. J. Groome.

After the opening ceremony Pehin Dato Isa presented certificates to ten trainees to mark the completion of a two-year training course at Sinaut and proficiency certificates to four staff from the Department of Agriculture.

The principal of the Training Centre, Awang Solomon Soo also received a certificate to commemorate his achievement in obtaining an Overseas Technical Teachers Award from Wolverhampton Polytechnic in 1977.

The three million dollar complex which took about two years to complete is a joint venture by the government and Brunei Shell.

Our picture (left) shows the General Adviser presenting a certificate to one of the trainees.



# Two officers of RBMR honoured

BANDAR SERI BEGAWAN.—Two officers of the Royal Brunei Malay Regiment were made 'Pehin Mentris' at separate ceremonies held at the Lapau here last week.

Both ceremonies were conducted in the presence of His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah and witnessed by members of the Royal Family, the British High Commissioner and other state dignitaries.

The first ceremony, held on Tuesday, was for Major Hussein bin Haji Sulaiman who is seen in the picture above flanked by YDM Pehin Datu Laksamana Dato Paduka Awang Abdul Latif (left) and YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Major Awang Kefli.

Major Hussein is now known as YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya.

The second ceremony was held the following Saturday for Major Haji Abdul Aziz bin Abdullah.

Major Haji Abdul Aziz is now known as YDM Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja.

# Mark out boundaries before Subdivision

BANDAR SERI BEGAWAN. — Landowners who wish to apply for subdivision must first mark out their boundaries.

The Subdivision Competent Control Authority has said that this is necessary in order to avoid past difficulties in inspecting lands.

The Authority pointed out that with the boundaries clearly marked out, the inspectors can easily identify the land and the process of subdivision can proceed smoothly and quickly.

The Authority has also been having difficulty in assessing the suitability of road lines particularly where the land is very steep.

It, therefore, informs landowners that it will be unable to approve roads which are steeper than the maximum gradient advised by the Director of Public Works.

The Authority also said that, in consultation with the Director of Agriculture, no subdivision of land for which the special condition is padi will be permitted for the purpose of building houses until the special condition has been changed by the Council of Ministers.

Landowners are also reminded that it is necessary to submit all the details required in the application form when applying for subdivision.



# *Stricter controls on building development*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chairman of the Development Control Authority has advised that there will now be stricter controls on building development in the State.

The Authority is worried about the growing number of unauthorised buildings and will prosecute all offenders.

The Department may demolish structures which are built without prior permission or approval.

A government spokesman has said that water and electricity will not be supplied to new buildings in the State unless the Development Control Authority has biven prior approval for the construction.

# 51 full-fledged policemen join force

JALAN MUARA. — Another group of fifty-one full-fledged policemen have joined the Force after completing a six-month intensive training in general police duties, first aid, life-saving and judo.

Their training climaxed with a passing out parade at the Police Training Centre here last week.

The Commissioner of Labour Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris reveiwed the parade and presented prizes to three outstanding recruits.

He presented a baton to the best all-round recruit, Recruit 734 Sigar bin Apoi; certificates to the best recruit in law and police duties, Recruit 1144 Mahuddin bin Salleh; and the best recruit in drill, riot drill, weapon drill and gymnastic, Recruit 1049 Koo Chon Onn.

Among those watching the parade were the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg. Jaya, other senior police officers, friends and relatives of the recruits.

# A gathering of writers

BANDAR SERI BEGAWAN.—A gathering of local writers was held at the Language and Literature Bureau here last week.

The gathering, the first of its kind, was organised by Radio Television Brunei and designed to bring together efforts by local writers and to raise the standard of literature such as poetry, short stories and drama for radio programmes.

Among those who spoke at the gathering which was chaired by RTB's radio programme production manager, Mr. Steward Wavell, were the Director of Brunei Museum, P. M. Sharifuddin, the Director of Language and Literature Bureau, Awang Mahmud bin Haji Bakyr and the Assistant Controller of RTB, Awang Salleh Kadir.

# Training session for athletes

TUTONG. — The Brunei Amateur Athletic Association is organising training sessions starting this week.

The sessions open to all athletes in the State will be held at the Muda Hashim Malay School Sports Arena here every Friday at three in the afternoon.

The association hopes to watch the progress of Brunei's athletes at the sessions with a view to selecting outstanding ones to represent the State at regional and international events.

Athletes from Bandar Seri Begawan and surrounding areas who require transport to the Sports Arena are asked to gather at the Youth Centre in Bandar Seri Begawan every Friday before 2.00 p.m.

# *Telephones in Kilanas, Sengkurong*

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Telecommunications Department has installed about two hundred telephones in Kampong Kilanas and Kampong Sengkurong.

The telephones the first to be installed in the areas are for those who had been on the waiting list for a long time.

A telecoms department spokesman said others wanting telephones will have to wait for a while because lines to both areas are still limited.

But the spokesman added that the department hopes to install another two hundred telepones there by April.




# MENDIDEK ANAK2 DENGAN ASAS2 DIDEKAN ISLAM

**DALAM memperkatakan asas2 didekan Islam, Rasulullah s.a.w. telah berpesan dalam sa-buah hadith-riwayat Ad-Dailami yang bermaksud: "Didek-lah anak2 kamu dengan tiga perkara: 1) Menchintai Nabi mu, 2) Menchintai ahli rumah-nya dan 3) membacha Al-Kor'an, kerana pengingat2 Al-Kor'an itu akan di-tempatkan dalam lindongan rahmat Allah pada hari yang tiada suatu pelindong melainkan lindongan rahmat-Nya bersama para anbia-Nya dan hamba2 pilehan-Nya."**

Dari maksud hadith ini, anak2 orang Islam itu ada-lah di-suroh supaya di-didek dan di-asoh menchintai Nabi Muhammad s.a.w., isteri2 dan juga sekalian zuriat-nya. Tujuan dari menchintai Nabi itu ia-lah supaya orang2 Islam sentiasa ta'at dan patoh kapada ajaran2 dan sunnah-nya, yang boleh di-suborkan melalui pelajaran2 yang di-terangkan oleh sejarah mengenai peri kehidupan-nya, budi pekerti dan tingkah laku Baginda yang mulia. Demikian juga kechintaan terhadap Baginda itu kita hidupkan melalui bachaan2 selawat dan salam ka-atas-nya yang dalam Al-Kor'an sendiri di-sebut sa-bagai yang di-galakkan oleh Allah Ta'ala.

Demikian pula menchintai zuriat Rasulullah yang saleh dan menghormati serta mengasehi Ummahatul Mu'minin (امهات الموءمنين) para isteri Baginda ia-lah sa-bagai menghargai pengorbanan dan perkhidmatan mereka menjaga rumah-tangga serta mengikuti kegiatan2 Rasulullah menegakkan ugama Allah. Saidatuna Khadijah ada-lah salah sa-orang daripada-nya telah meletakkan seluroh khidmat-nya untok kepentingan ugama, dia-lah pembangkit semangat, penglipor dan pembantu ugama Islam, di-samping tenaga dan hidup-nya, juga harta-nya telah di-berikan-nya untok jalan Allah dan dakwah Islamiah.

Begitu juga isteri2 Baginda yang lain, masing2 itu ada peranan-nya dan khidmat yang chemerlang kapada Rasulullah dan ugama Islam. Kerana itu-lah, mengasehi dan mengenal mereka itu ada-lah satu perkara yang di-galakkan supaya orang2 Islam mengikut dan menchontohi mereka. Keadaan ini jangan-lah di-terbalekkan, ia-itu lebeh banyak orang2 Islam yang kenal kapada tokoh2 terkemuka daripada kalangan bukan Islam dari اهل البيت sendiri. Ini, sesunggoh-nya suatu hal yang amat menyedehkan kita.

Pesanan ketiga dari hadith ini ia-lah memberikan tekanan supaya anak2 itu di-didek dengan Al-Kor'an, membacha dan memahami tujuan2-nya sa-bagai pedoman dan undang2 hidup. Mengingat ini, kita wajib-lah merasa sedeh jika pembachaan dan pengajian Al-Kor'an itu di-abaikan. Sebab Rasulullah sendiri hingga merayu kapada Allah apabila telah sampai suatu ketika kaum Baginda mengabaikan Al-Kor'an, sa-bagaimana Suratul-Furqan ayat 30 yang bermaksud kira2 :

*"Dan Rasulullah s.a.w. telah mengadu, ya Tuhan ku! Sesunggoh-nya kaum ku telah menjadikan Al-Kor'an ini satu undang2 yang di-abaikan."*

Supaya tidak berlaku sa-bagaimana suatu masa kaum Rasulullah sendiri meninggalkan Al-Kor'an dengan begitu rupa, maka kerana itu-lah Baginda mengasaskan dasar2 pendidekan yang sempurna itu, salah satu-nya ia-lah menchintai Al-Kor'an, membacha, mengkaji dan menghafal ayat2-nya dengan penoh pengertian. Dan ada pun orang2 yang berbuat demikian itu akan sentiasa bertedoh di-bawah lindongan rahmat Allah, terutama pada hari yang tidak ada perlindongan melainkan lindongan-Nya jua, ia-itu hari kiamat kelak.

# KEPUTUSAN PEPEREKSAAN DARJAH VI SEK. UGAMA

## DAERAH BELAIT

### Sekolah Ugama Pekan Belait

Noraini bte Haji Abdul Hamid lulus, Zainab bte Yusop 1, Siti bte Jawawi 2, Ruhaini bte Haji Ladis 3, Noraini bte Sahari 2, Habibah bte Sion 2, Saharana bte Ahmad 2, Norsiah bte Ibrahim lulus, Habiba bte Has lulus, Sallimah bte Mohd Salleh 1.

### Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria (Petang)

Safiah bte Haji Manudin lulus, Siti Hamidah bte Hj Md. Nawi 2.

## DAERAH TUTONG

### Sekolah Ugama Madrasah Hassanal Bolkiah, Tutong (Petang)

Yakob bin Abu Hasrah lulus, Hussin bin Matniah 3, Hamzah bin Mohamad 2, Sarimah bte Abdul Halim 1.

## DAERAH TEMBURONG

### Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Temburong

Bahtiar bin Anaf 3.

## DAERAH BRUNEI/ MUARA

### Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Bandar Seri Begawan (Pagi)

Ak Metussin bin Pengiran Haji Damit lulus, Osman bin Abu Bakar lulus, Haji Rani bin Haji Md. Yusof 2, Jarah bte Haji Suliman 1, Halimah bte Ahmad 1, Salmah bte Haji Yahya 1, Sharulbadariah bte Haji Saidin 1, Lilawati bte Minudin lulus, Harlina bte Sulaiman lulus, Radiah bte Abu Bakar 1, Hajijah Saemah bte Abdullah lulus, Aisah bte Ja'afar 1, Normah bte Haji Abu Bakar lulus, Noriah bte Awang Bakar 2.

Abdul Rahim bin Haji Tamin 1, Awang Hassan bin Mat Zanin 2, Fatmah bte Haji Abdul Rahman 2, Dk. Husna bte Pengiran Osman lulus, Juriah bte Halwi lulus, Dk Hasnaliati bte Pg Haji Abdul Momin 1, Hajjah Noraini bte Haji Merpuji 2, Awang Mohamad bin Awg Haji Ibrahim 1.

### Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (Petang)

Marsini bin Marsin 1, Awang Momin bin Haji Md. Ja'afar 2, Ahmad bin Haji Md Noor 1, Zahrah bte Haji Md Hashim 1, Sarinah bte Haji Md Husain 1, Norlaila bte Awg Haji Hassan 1, Kamsiah bte Rabaha 2, Dy Maimunah bte A. Damit lulus.

Dk Salbiah bte Pg Haji Patra 1, Maznah bte Md. Nor 2, Zaiton bte Awang Tengah lulus, Hjh Fatimah bte Haji Ibrahim 1, Dy Hjh Masinu bte Awg Haji Aji 2, Rokiah bte Haji Salleh 2, Dy Salwa bte Haji Md Tahir 1, Dk Suriati bte Pg Setia Jaya Pg Haji Abdul Momin 1, Dy Fatimah bte Awg Daud 2.

Fatimah bte Bair 1, Asiah bte Kalong lulus, Dk Norliati bte Pg Haji Abdul Abdul Momin 2, Daniar bte Haji Abdullah lulus, Raftahanum bte Md Tahir 1, Jesmina bte Mat 1, Dk Hajjah Aishah bte Pg Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamaluddin 2, Maisalamah bte Aji 1, Marliawani bte Haji Hashim 2, Haiapah bte Hussin 1, Fozia bte Haji Eusof 2, Hazizah bte Md Yassin 2, Radiah bte Haji Mohiddin 2.

### Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Pagi)

Norhani bte Ladi lulus, Yussof bin Najib lulus, Awg Riduan bin Mohammad Daud 2, Haji Damit bin Tengah 1, Ak Md Daud bin Pg Mat Salleh 2, Mohamad bin Haji Nayan 2, Abdul Latif bin Haji Mohamad Ali lulus, Mohaimin bin Mohamad 2.

Matsateju bin Sukiaw 1, Hamzah bin Awg Zainal 2, Abas bin Awg Tuah lulus, Othman bin Najib 2, Dk Asilah bte Pg Chuchu lulus, Dy Siriah bte Hitam/Itam 2, Jasni bin Said 2, Dy Amidah bte Yahya 2, Dk Junainah bte Pg Mansor 3, Dk Mariani bte Pg Rajak lulus, Dy Normah bte Damit 2.

### Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Petang)

Awang bin Abdul Ghani 2, Hasnah bte Md Salleh 2, Masni bte Haji Bungsu 1, Rosnah bte Masri 1, Noralam bte Ajak 2, Saimah bte Haji Md Zin 2, Noor Asmariyah bte Haji Md Noor 2, Norsiah bte Abdullah 1, Jamaliah bte Haji Metussin 1, Zahrah bte Pgh Haji Metussin 2, Noraini bte Tuah lulus.

### Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Pagi)

Jahari bin Apong 1, Haji Ahmad bin Haji Abas lulus, Fatimah bte Haji Hamid 1, Said bin Haji Salleh 1, Marjuni bin Haji Dollah 2, Noraini bte Ahmad 1, Hjh Noraisah bte Haji Mutalip 2, Hjh Rafiah bte Haji Yakup lulus, Hainun bte Haji Latip 1, Junaidi bin Hussin 1, Jambol bin Tuah 1, Mohd. Adnan bin Haji Abdul Hamid 2.

### Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Petang)

Saunah bte Haji Yusof 1, Zaliha bte Zakaria 2, Dk Naini bte Pg Haji Bakar lulus, Tiajar bte Haji Matudin lulus, Masnah bte Hussin @ Husin lulus, Hjh Norliha bte Yahya lulus, Dy Acheh bte Haji Besar 2, Ngantin bte Haji Ibrahim lulus, Normah bte Kassim 2, Norsinah bte Haji Metusin 1.

### Sekolah Ugama Bendahara Sakam, Bunut (Pagi)

Asmah bte Hussin lulus, Dk Norensan bte Pg Kula lulus, Dk Roslina bte Pg Bahar lulus, Malai Khairani bte Seikh Nikman lulus, Osmali bin Osman lulus, Romaizah bte Haji Md Salleh 2, Sadikin bin Ahmad lulus, Sitiamin bte Mahali/Mahli lulus, Haji Salleh bin Dato Haji Tamit lulus.

### Sekolah Ugama Bendahara Sakam, Bunut (Petang)

Seikh Abdullah bin Seikh Haji Yahya 2, Mohd Said bin Ismail lulus, Ali Hamzah bin Zaini lulus, Salim bin Haji Latip 1, Norlah bte Kunchang 1, Saleha bte Hussin 2, Aminah bte Muhammad 2, Zaianit bte Norkhan 2, Salbiah bte Mohammad 2, Hasmah bte Mat Sarudin 1.

### Sekolah Ugama Sengkurong

Chalun2 gagal.

### Sekolah Ugama Delima Satu

Haji Md Hussin bin Haji Md Salleh 1, Aisah bte Sahdan 2, Norani bte Sofri/ Labai lulus, Rose bte Karim lulus, Mustafa bin Haji Abdul Rahman 2, Dk Mastura bte Pg Ahmad 2, Kifli bin Abidin 2, Dy Rosnani bte Haji Kifli 2, Mawarni bte Haji Abdul Hamid 2, Saaimah bte Abdi Manaf 2, Jamaludin bin Awg Tengah 2.

### Sekolah Ugama Tanah Jambu

Chalun2 gagal.

### Sekolah Ugama Kiulap

Masturi bte Ajak 1, Jamaliah bte Abdul Hamid 2, Zainab bte Haji Tengah 2, Asmah bte Mohd Ali 2, Darinah bte Haji Abdul Manap lulus.

### Sekolah Ugama Dato Gandi

Dy Aini bte Awang Chuchu 2.

### Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok

Chalun2 gagal.

### Sekolah Ugama Persatuan Tiba (Petang)

Khidzah bte Jalin 1, Fatimah bte Md Jair 2, Ak Abdul Kadir bin Pg Haji Kamaluddin 3, Mohd. Sufri bin Haji Suhaili lulus, Dy Rokiah bte Awg Angkat 1, Noorzan bte Haji Abd Karim 1, Kamaludin bin Haji Timbang 3, Roselina bte Ya'akub 1.

### Sekolah Ugama Pintu Malim

Norbaya bte Haji Mohd. Daud lulus, Fatimah bte Awg Latif/Latip 2.

# Memelok ugama Islam

KUALA BELAIT. — Lapan orang sa-keluarga puak Dusun dari Kampong Bang Pukol, Bukit Sawat, Ulu Belait telah memelok ugama Islam baru2 ini.

Mengepalai keluarga itu ia-lah Awang Lingga bin Punteh, 54 tahun, dan kini di-kenali sa-bagai Mohd. Jaafar bin Abdullah. Ini di-ikuti oleh isteri dan anak2-nya. Isteri beliau Dyg Inju bte Juak, 49 tahun, kini di-kenali sa-bagai Dyg Aishah bte Abdullah. Manakala anak2-nya masing2 kini di-kenali sa-bagai Siti Rohani bte Mohd. Jaafar, 21 tahun, Mohd. Taib bin Mohd. Jaafar, 18 tahun dan empat orang anak mereka yang maseh kechil.

Majlis pengIslaman mereka itu telah di-langsongkan di-rumah Awang Jahiri bin Hashim, Kampong Melayu Asli di-sini.

Sa-belum itu Saidin bin Berungun, 28 tahun, juga dari puak Dusun telah memelok ugama Islam di-sini dengan memileh nama-nya sa-bagai Mohd. Jaafar bin Abdullah.

Kedua2 majlis pengIslaman ini telah di-jalankan oleh Awg Johari bin Haji Omar sa-orang pegawai dari Pejabat Ugama.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb Februari, 1978, sa-hingga ka-hari Selasa 14hb Februari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 10hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 11hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 12hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 13hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 14hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# SEMINAR DAKWAH ISLAMIAH BELIA

## BELIA DENGAN DAKWAH

**SESUDAH kita mengetahui hukum berdakwah serta sifat2 dakwah itu sa-bagai ukoran nilai kapada kekuatan dan kebesaran umat serta menjadi penggerak kapada jiwa ugama, maka atas tuntutan2 nilai dan hukum ini, nampak-nya kita bersetuju, bahawa tidak ada pilehan lain melainkan menerima-nya sa-bagai suatu tanggong-jawab yang sama sekali tidak boleh di-elak2 lagi. Ini dalam bentok yang umom seluroh masharakat Muslimin. Tetapi sekarang kita berhadapan dengan persoalan yang agak khusus, mengenai belia dengan dakwah.**

Tidak ada orang yang berchanggah pendapat mengenai fungsi belia itu sa-bagai penggerak kemajuan dan pembangunan. Ya, tidak ada orang yang chuba meragukan ini. Jadi berdasarkan ini, mengapa belia tidak boleh di-jadikan agen pembangunan rohani, apa sebab mereka hendak di-pisah atau sengaja hendak memisahkan diri mereka sendiri dari tugas suchi dan bahkan wajib ini?

Saya pernah berchakap kapada penuntut2 dalam Seminar Pengetahuan Ugama Islam tidak lama dulu bahawa mereka itu ada-lah satu jema'ah, dan sifat jema'ah ini baik. Mereka di-bekalkan dengan ilmu dan vitaliti hidup yang berkobar2, kerana itu-lah jika mereka mahu — sesunggoh-nya tidak sedikit sumbangan yang boleh mereka berikan dalam bidang dakwah ini. Maka demikian pula hal-nya dengan belia2, mereka ada-lah satu jema'ah yang lebeh luas lingkongan dan pengalaman-nya. Sesunggoh-nya watak orang Mukmin itu ia-lah watak kesatuan, watak saling bantu membantu untok menegakkan kebajikan dan menolak kejahatan.

Jadi sharat dari segi perwatakan sudah ada. Chuma soal-nya mahu atau tidak. Dari segi bentok nilai dan hukum juga sudah tidak boleh mengelak, hanya sekarang mahu atau pun tidak. Kita perchaya, dari sifat belia yang sedar tidak siapa pun yang mahu berkechuali, melainkan ingin sama2 menghayati Islam itu. Satu2-nya chara yang tunggal menghayati Islam ia-lah dengan menghidupkan dakwah.

Berchakap sa-chara umom mengenai dakwah atau menghayati Islam itu ada-lah amat mudah dan sedap di-ulang2. 10-20 kali sa-hari sa-hari pun kita tidak bosan. Tetapi manakala, sampai kapada chara menghayati itu maka di-sini orang mula berfikir dan termenong. Akhir-nya mau tidak mau mereka bertemu dengan dua medan, yang di-sebut medan di-luar dan di-dalam diri. Dan sa-lepas meneliti isi kedua-nya yang tersembunyi, ada orang yang tiba2 menjadi takut atau sa-tidak2-nya merasa keberatan dan membuat berbagai2 alasan. Mereka terhenti dan bahkan berundur jauh ke-belakangan. Ini nama-nya sikap kechewa dan sa-terus-nya mengalah.

*MEDAN DI-LUAR DIRI*

Menjadikan masharakat sa-bagai objek menyibarkan dakwah. Dan memang ini-lah pula sasaran kita. Masharakat itu kompleks sifat-nya. Walaupun ia kira-nya berasal dari satu keturunan, mempunyai Adat Istiadat dan Ugama yang sama, tetapi sikap dan chara berfikir mereka mustahil serupa. Dan ini tidak-lah perlu rasa-nya kapada huraian panjang2. Chuma yang hendak saya tegaskan di-sini ia-lah satu perkara penting ia-itu ada orang2 kita yang lekas penik atau serba salah bila berhadapan dengan sikap masharakat yang demikian ini. Terutama oleh sikap kontra dan negitif yang tidak mungkin di-jeniskan. Dan lebeh sukar pula sikap2 itu terdapat di-kalangan belia2 sendiri, yang mungkin lebeh ramai bilangan-nya daripada belia2 yang bersikap sa-balek-nya. Dan berchakap mengenai hal bilangan ini, sekali lagi malang, bahawa golongan yang besar memang biasa-nya menang dari golongan yang kechil. Walaupun ini tidak-lah mesti benar, sebab ada yang sedikit boleh menundokkan yang ramai, sa-bagaimana hal ini banyak terbokti, dan ayat Al-Kor'an juga ada menegaskan:

كـم مـن فئة قليلة غـلبت
فئة كثيرة باذن الله:

Tetapi dalam masharakat hari ini, kebanyakkan-nya tidak menyedari hakikat ini. Oleh kerana itu ramai yang di-hinggapi penyakit rendah diri (inferiority complex), yang sa-harus-nya tidak patut ada kapada orang2 Mukmin yang tahu bahawa mereka ada-lah umat yang terpileh yang menjadi chontoh tauladan kapada umat2 yang lain. Dengan ada-nya penyakit ini, boleh mematahkan usaha dan chita2 serta menghalang perjalanan dakwah. Inferiority Complex membentok banyak watak dan sifat yang terchela serta takut2, berdolak dalek, ragu dan malu yang tidak bertempat. Barangkali kalau saya kutip chontoh2 yang berlaku dalam masharakat ada-lah banyak, tetapi satu dua mithalan yang ada kaitan-nya dengan tujuan kertas ini ada-lah memadai. Ada belia2 yang malu di-panggil "Alim" sebab rajin ka-masjid, lalu mengurangkan kebiasaan2-nya pergi ka-masjid. Ada belia2 yang takut di-perli dengan panggilan2 "Ustaz atau Ustazah" sebab rajin bersongkok atau bertudong, lalu membuang songkok dan tudong. Ada belia2 yang bagus idea-nya memulakan sa-tiap perchakapan dalam radio dan talivishen dengan salam (Assalamu 'Alaikum), tiba2 berhenti di-sebabkan perli kawan2. Ada belia2 yang chukop menjaga makan minum, takut termakan benda2 yang haram, tiba2 menjadi librel kerana pengaroh ramai dan keadaan, pada hal ini ada-lah sa-bahagian dari chara2 hidup Islam yang indah, yang amat terpuji, tetapi di-sebabkan oleh rapoh pendirian serta serangan inferiority complex yang hebat, maka kita jadi penik dan mudah ruboh. Yang rugi bukan siapa2, tetapi kita juga bersama yang kita anut. Ini-lah satu kenyataan yang pahit, yang kita namakan "keadaan" atau "medan di-luar diri," yang lebeh berhasil membentok peribadi dan pendirian yang salah anak2 masharakat kita, tidak terkechuali juga belia2 kita.

*MEDAN DALAM DIRI*

Dakwah dan chara2 hidup Islam itu mesti di-hayati dari dalam diri. Ia di-tentukan dari sini, bukan di-mana2. Sa-orang penghayat ugama ia-lah sa-orang pendakwah. Sebab kelakuan-nya yang suchi di-samping perkataan-nya yang benar dan berisi mutiara itu membangkitkan keperchayaan orang yang melihat atau mendengar. Ini-lah yang di-namakan kewibawaan sa-orang penghayat ugama yang sa-benar2-nya. Kalau sa-orang ahli politik menerangkan di-mana tempat tegak-nya dengan memberi tahu ideologi yang di-anut-nya, supaya orang perchaya dan mengikut-nya, maka sa-orang penghayat ugama juga mesti lebeh tegas menerangkan "jalan-nya" sa-bagaimana maksud dari ayat 107 dalam surah Yusof: "*Katakan-lah (Ya Muhammad)! Ini-lah jalan ku, aku dan para pengikut-ku dengan sedar mendakwahkan kamu menuju Allah. Maha suchi Allah, dan aku tidak termasok golongan orang2 mushrik.*"

Dari maksud ayat ini, sa-orang penghayat ugama itu, hendak-lah ia sendiri dahulu tegak di-atas Jalan Allah, bukan di-atas jalan ragu2, jalan shaitan dan jalan mushrik. Serta tujuan dakwah-nya pun jelas,

# BELIA MENGHAYATI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP

oleh: HJ. ABD. AZIZ JUNED

ia-itu mengajak orang lain berjalan di-atas jalan ini, memileh ajaran Allah menjadi jalan hidup-nya.

Ini-lah suatu chiri khusus yang mesti ada kapada penghayat yang memegang urusan dakwah. Dia harus berani menegaskan bahawa dia ia-lah Mukmin yang terpisah dari orang2 yang tidak sa-'aqidah dengan-nya. Dari mula melangkah lagi ia mesti tegaskan, yang ia sesunggoh-nya benar2 di-luar jahiliah. Maksud jahiliah di-sini termasok-lah yang ada di-sepanjang perjalanan sejarah, tidak terkechuali jahiliah abad ka-XX. Jika terdapat penganut mazhab Ilhad, aliran atheism (ajaran anti ugama) yang sangat lantang dan berani membuka ajaran-nya, mengapa penganut2 Islam dan pendukong2-nya mesti berlambat2 dan menunggu?

Ini-lah satu lagi penyakit kita yang barangkali kurang di-perhatikan. Dan kedua penyakit membiarkan orang lain dahulu buat baru sendiri akan membuat-nya.

